

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR HAJAH SITI MARIAM BINTI MAHMUD
[KOTA RAJA]**

TARIKH : 19 MEI 2016

RUJUKAN : 9007

Dr. Hajah Siti Mariam Binti Mahmud [Kota Raja] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah syarikat perniagaan senjata api yang berdaftar mengikut kategori dengan Kementerian dan berapa nilai "arms trade" (perniagaan senjata) dalam Negara kita dari 2010 hingga kini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga April 2016 sebanyak 171 syarikat telah diberikan lesen menjual senjata api dan peluru mengikut jenis perniagaan diseluruh Negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 48 syarikat di Sarawak, 33 di Kuala Lumpur, 22 di Sabah, 16 di Perak, 15 di Selangor, 8 di Johor, 7 di Pahang, 5 di Kelantan, masing-masing 4 di Kedah, Terengganu dan Negeri Sembilan, 3 di Melaka dan 2 di Pulau Pinang. Tiada lesen menjual senjata api direkodkan di Negeri Perlis.